



## GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus  
Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melder Jiki Tais  
Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin  
Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

[cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

## Hari Paskah - 5 April 2026

### Doa Hari Ini

Tuhan segala kehidupan dan kuasa, melalui kebangkitan Anak-Mu yang berkuasa telah mengalahkan peraturan lama iaitu dosa dan maut supaya menjadikan segala sesuatu baru di dalam Dia; perkenankan, agar kami yang mati terhadap dosa dan hidup bagi-Mu di dalam Yesus Kristus, akan memerintah dengan Dia dalam kemuliaan, kepada Dia serta dengan Engkau dan Roh Kudus adalah pujian dan hormat, kemuliaan dan kuasa, sekarang dan dalam segala kekekalan. Amin

Injil - Yohanes 20:1-10      Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 10:34-43



**YOHANES 20:9**

**IA HARUS BANGKIT**

“Yesus yang bangkit, berbicaralah kepadaku”



<https://www.facebook.com/cclikas/>



<http://christchurchlikas.org/>


Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

## 1. SELAMAT HARI PASKAH

“Kristus telah bangkit!” – “Ia sungguh telah bangkit!”

Semoga Yesus yang bangkit bertemu dengan kita di mana pun kita berada, dalam apa jua keadaan dan tahap hidup kita. Dia bangkit dari kematian untuk memberikan hidup yang baru bagi kita semua. Marilah kita datang kepada-Nya dengan hati terbuka.

Salam hangat untuk semua, khususnya mereka yang jarang dapat beribadah bersama. Sila kekal selepas Kebaktian untuk mengucapkan berkat Paskah antara satu sama lain.



## 2. MINGGU SUCI YANG BERMAKNA

Kami mengucapkan terima kasih kepada semua sukarelawan dan staf gereja yang telah melayani dengan penuh dedikasi sepanjang Masa Puasa dan Minggu Suci. Terima kasih kepada mereka yang memimpin ibadah, paduan suara dan pasukan penyembahan, pasukan hiasan bunga, pasukan media, pasukan dapur – dan ramai lagi.

Semua Kebaktian mendapat kehadiran yang baik – termasuk Minggu Palma, Khamis Putih, doa semalaman, ibadah matahari terbit di perkuburan, dan Kebaktian Jumaat Agung.

TIADA ibadah “malam doa-puji-sembah” malam ini. Ia akan bersambung pada Ahad depan.

Pejabat gereja ditutup esok dan Selasa, dan dibuka semula pada Rabu, 8 April. Hubungi talian mudah alih pejabat gereja sekiranya perlu.

## 3. PELAYANAN LAINNYA

- 11 Apr - Sambutan Paskah **Evergreens**; Dewan Omega, 9:30 pagi.
- 12 Apr - **Baptisan** di semua Kebaktian. Sila daftar.
- 13 Apr, Isnin - **Persekutuan ADOS-W**: BM di GAD (Donggongon), CH di gereja kita, dan EN di CTK, Kingfisher Park.
- 17-19 Apr - **Lawatan 'Misi Koir'** ke Gereja St. Patrick, Tawau. Sila hubungi Vivienne untuk maklumat lanjut.
- 1 Mei - **Jagaan-harian di ARK** bermula. Hubungi talian mesra ARK untuk maklumat lanjut: 016-818 9013.
- Setiap Ahad petang, **permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Hubungi Anjun. Bawa rakan-rakan anda.

#### 4. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM)

Terima kasih atas doa dan kepedulian anda terhadap gereja kita. Beberapa sorotan dari AGM Ahad lepas:

- perlu dipergiatkan lagi usaha penginjilan; bukan hanya tertumpu kepada aktiviti dalaman.
- permintaan agar lebih banyak lagu himne dinyanyikan.
- permintaan agar statistik tahunan turut merangkumi jumlah kematian.
- laporan bendahari untuk tahun 2025 (ringkasan)
  - jumlah pendapatan (a) – RM1,046,121
  - jumlah perbelanjaan – RM1,217,882 (tidak termasuk susut nilai)
  - defisit - (RM171,761)
  - sumbangan untuk dana bangunan 'Projek Labor' (b) - RM878,608
  - jumlah keseluruhan pendapatan 2025 (a+b) – RM1,924,729
  - bajet 2026 telah diterima.

+ + + + + + + + + +

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Apr 6	2 Kor 9	Mz 92	Jum, Apr 10	2 Kor 13	Mz 96
	Sel, Apr 7	2 Kor 10	Mz 93	Sab, Apr 11	Gal 1	Mz 97
	Rab, Apr 8	2 Kor 11	Mz 94	Ahd, Apr 12	Gal 2	Mz 98
	Kha, Apr 9	2 Kor 12	Mz 95			

### UNTUK DIDOAKAN

#### Dunia yang Kita Kasihi

- Berdoalah untuk keamanan dunia. Berdoalah agar peperangan yang sedang berlaku dapat dihentikan; supaya keganasan dan penderitaan tidak berterusan. Kiranya penyembuhan, pemulihan, dan kehidupan baru dapat bermula.

#### Komuniti yang Kita Kasihi

- Berdoalah agar ramai orang menemukan pengharapan di dalam Yesus yang hidup—iaitu bagi mereka yang tersesat, kesepian, sombong, bersalah, malu, dan yang lain.

#### Diri sendiri

- Berdoalah agar kita mengalami kuasa kebangkitan dalam hidup kita – kuasa untuk hidup bagi Yesus sehingga Dia datang kembali.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.

### UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



## DARI SALIB KE KUBUR YANG KOSONG

*Setelah Yesus menerima air anggur masam itu, Dia berkata, “Sudah selesai.” Dia menundukkan kepala lalu menyerahkan roh-Nya. Yohanes 19:30*

*“Mengapa kamu mencari Dia Yang Hidup di antara orang mati? Dia tidak ada di sini; Dia telah bangkit!” Lukas 24:5–6*

Di atas salib, Yesus memberikan seluruh diri-Nya. Dia membayar harga dosa seluruh umat manusia — sepenuhnya, sekali untuk selama-lamanya, dengan korban yang sempurna. Seruan-Nya, “Sudah selesai!” menandakan bahawa karya keselamatan telah disempurnakan. Kita bersyukur selama-lamanya, kerana Dia telah melakukan apa yang kita tidak mungkin lakukan untuk menyelamatkan diri kita. Dia bukan sahaja mati untuk dosa kita, tetapi juga menanggung penderitaan, penghinaan dan luka dalam perjalanan ke salib, memikul beban dosa dan kesalahan kita. Yesus telah menyelesaikan segalanya.

Namun tiga hari kemudian, Dia bangkit daripada kematian! Satu peristiwa yang menggoncangkan bumi dan mengubah sejarah! Yesus telah mengalahkan maut dan memberikan harapan kebangkitan yang pasti kepada semua yang percaya kepada-Nya. Kubur yang kosong bukan kata-kata kosong atau janji kosong. **Yesus telah bangkit. Dia telah melakukannya. Dia hidup.**

Selepas kebangkitan-Nya, Yesus berjalan dan berbicara dengan murid-murid-Nya. Dia tidak terus naik ke syurga. Kebangkitan-Nya menunjukkan bahawa pemulihan dan kehidupan baru bukan hanya untuk masa depan. Saat kita menerima Yesus sebagai Juruselamat dan mengakui-Nya sebagai Tuhan, kehidupan kekal bermula — di dunia ini. Oleh itu, kita boleh mengharapkan pemulihan, penyembuhan, kemenangan atas kuasa dosa dan kegelapan, serta kehidupan yang berkelimpahan seperti yang telah dijanjikan Yesus sekarang.

Antara “Sudah selesai!” dan “Dia telah bangkit!” terdapat tiga hari yang sangat mencabar. Bagi murid-murid, hari-hari itu penuh dengan ketidakpastian, kehilangan, kekeliruan, kekecewaan dan kesedihan — mungkin juga keputusan. Seolah-olah tiada jalan keluar. Namun Yesus menampakkan diri kepada mereka.

Kubur yang kosong adalah bukti fizikal di bumi tentang satu realiti rohani. Saudara dan saudari yang dikasihi dalam Tuhan, jika kamu yang percaya sedang melalui “tiga hari” kamu sendiri, kuatkan hati. Yesus yang kamu panggil Tuhan bersedia, rela dan mampu menyelamatkan, memulihkan dan menyembuhkan kamu. Peganglah kehidupan kebangkitan kamu dalam Kristus. Percayalah bahawa apa yang Tuhan sediakan bagi kamu dan keluargamu adalah yang terbaik. **Dia telah bangkit. Dia hidup!**

*“Kerana Dia hidup, kita dapat menghadapi hari esok”*

**Selamat Menyambut Hari Kebangkitan yang diberkati!**

Saudaramu dalam Kristus,

**The Right Reverend Kenneth Thien**

Bishop Suffragan, Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah